

17/07/1999

Perdana Menteri puji sikap pemurah rakyat

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira kerana rakyat negara ini bersikap murah hati dan terus menghulurkan derma untuk membantu rakyat miskin serta golongan kurang bernasib baik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata di Malaysia tidak perlu lelong apa-apa untuk mengutip derma kerana banyak rakyat yang bersedia menghulurkan bantuan serta derma.

"Memang benar mereka mendapat keuntungan besar dan menjadi kaya raya, tetapi mereka tidak pernah lupa untuk membantu golongan yang tidak bernasib baik.

"Umpamanya derma untuk Kosovo. Kita dengar setiap hari ramai yang menderma wang sedikit dan banyak... soal derma dan mendapat pembiayaan, membantu tidak menjadi masalah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Perdana dan Pementasan Teater Puteri Saadong, anjuran Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), Yayasan Belia Malaysia dan Majlis Kebudayaan Jajahan Kota Bharu, di sini malam ini.

Majlis dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Pengerusi Yayasan Belia Malaysia, Datuk Suhaimi Ibrahim.

Pada majlis itu, lebih RM1.5 juta disumbangkan oleh syarikat swasta untuk YKK, termasuk Al-Ain Marketing Services Sdn Bhd yang menderma RM360,000, Nishikigoi (M) Berhad (RM400,000), Telormas Sdn Bhd (RM200,000), Konsortium Kontraktor PLB (RM300,000), Esteem Heights Sdn Bhd (RM50,000) dan Shorefield Sdn Bhd (RM50,000).

England Optical Sdn Bhd pula menyumbang RM100,000 melalui Majlis Belia Malaysia (MBM), yang mana RM10,000 tunai, manakala RM90,000 lagi dalam bentuk sumbangan cermin mata kepada rakyat miskin.

Sementara itu, Kemas Kelantan pula menyumbang RM10,000 kepada Tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK).

Dr Mahathir berkata, kemiskinan tidak seharusnya wujud di Malaysia kerana bumi negara ini subur, di samping bantuan dan program yang disediakan kerajaan untuk rakyat.

"Tidak sepatutnya berlaku kemiskinan dalam negara seperti Malaysia ini yang mewah dengan bermacam-macam sumber dengan tanah yang subur yang tidak perlu dibaja...walaupun sebatang kayu mati jika dicucuk, ia akan tumbuh dan mengeluarkan buah untuk dimakan.

"Jika ada yang miskin hanyalah kerana mereka daif dan tidak dapat bekerja. Bagi mereka ini, kita patutlah hulurkan bantuan dan derma, yang kadang-kadang perlu diberikan secara langsung, tetapi lebih baik sekiranya menolong menambahkan punca pendapatan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, derma itu harus digunakan dengan cara baik, termasuk membantu orang miskin dan memberi biasiswa untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke universiti.

Katanya, biasiswa itu akan membazir sahaja jika pelajar yang dihantar ke universiti mengadakan demontrasi.

"Sebab itu, yang penting bukan biasiswa tetapi penggunaan masa untuk belajar mendapat ilmu. Sekiranya bantuan disia-siakan, tidak guna kita memberi biasiswa.

"Saya harap kita semua sedar kita sedang berlumba dengan orang lain dan kita tidak ada masa untuk membazir, sebaliknya masa hendaklah digunakan

untuk melengkapkan diri dengan ilmu, pengetahuan dan kecekapan supaya dapat bersaing dengan orang lain," katanya.

Beliau berkata, orang Melayu khususnya masih ketinggalan dan bagi mereka sebenarnya tidak ada masa untuk bermain-main, melepak dan membuat kerja yang tidak mendatangkan faedah.

(END)